

Name

Class

Date

1. Fenomena El-Nino telah menyebabkan _____ di negara kita mengalami jerebu yang teruk.

- a) ruang udara
- b) lalu lintas
- c) suhu panas
- d) jalan raya

2.



Tetamu yang menghadiri kenduri di rumah Pak Mahat _____ ketika makan di ruang tamu.

- a) bertingguh
- b) beratur
- c) berlunjur
- d) bersimpuh

3. Sebarang masalah hendaklah diselesaikan secara baik dan tidak perlu _____ untuk menarik perhatian ramai.

- a) dibolak-balikkan
- b) digembar-gemburkan
- c) dikucar-kacirkan
- d) dicorat-coretkan

4. Ayah mengopek durian _____ Asraf menjolok buah rambutan di halaman.

- a) dan
- b) manakala
- c) sementara
- d) kerana

10. Arahan : Kenal pasti kesalahan ayat di bawah.

Atur cara majlis Hari Anugerah Cemerlang telah dibincangkan dengan panjang lebar di dalam mesyuarat yang diadakan pada petang semalam. Tiada Kesalahan.

a) Tiada kesalahan

b) Atur cara

c) telah

d) di dalam

11. Arahan : Terdapat satu kesalahan ejaan. Tulis jawapan yang betul.

Kereta yang dipandu laju itu terbabas lalu merempuh papantanda di tepi jalan

Ans. _____

12. Arahan : Terdapat satu kesalahan ejaan. Tulis jawapan yang betul.

Pasport yang dijumpai oleh Emil itu kepunyaan seorang pelancong dari brunei

Ans. _____

13. Arahan : Terdapat satu kesalahan ejaan. Tulis jawapan yang betul.

Kadangkala sukar bagi kita membezakan antara musuh dengan kawan kerana tidak semua orang berkelakuan jujur

Ans. _____

14. Arahan : Terdapat satu kesalahan ejaan. Tulis jawapan yang betul.

Puan Nadiatul bercadang untuk membeli sebuah banglo bahru yang terletak di atas bukit.

Ans. _____

15. Arahan : Terdapat satu kesalahan ejaan. Tulis jawapan yang betul.

Penunggang motorsikal itu berjaya melarikan diri daripada sekatan jalan raya yang dilakukan oleh polis trafik.

Ans. _____

16. Pilih ejaan yang tepat dan betul.

a) anti-dadah

b) antiDadah

c) Antidadah

17. Tandakan ejaan yang salah

a) susyi

b) martabak

c) mi

d) kuetiaw

18. Pilih ejaan yang tepat dan betul

a) Temubual

b) Temu bual

19. Pilih ejaan yang tepat dan betul

a) Prasekolah

b) Pra sekolah

20. Pilih ejaan yang tepat dan betul

a) Sambilewa

b) Sambalewa

21.



Peribahasa yang paling tepat untuk gambar tersebut ialah

a) Bagai cincin dengan permata

b) Bagai dakwat dengan kertas

c) Bagai isi dengan kuku

d) Bagai bulan dipagar bintang

22. Bagai bulan jatuh ke riba bermaksud

- a) Mendapat kecelakaan
- b) Mendapat keuntungan besar dengan tiba-tiba
- c) Perkara khayalan
- d) Angan-angan yang tidak akan menjadi kenyataan

23.



Bagai tikus jatuh ke beras bermaksud

- a) Orang yang mendapat keuntungan dan kedudukan yang mewah.
- b) Seseorang yang mengalami kerisauan.
- c) Seseorang yang tidak tahu untuk berbuat apa-apa.
- d) Seseorang yang berada dalam keadaan bahaya.

24. air dicencang tiada putus

- a) ikatan persaudaraan tidak boleh dipisahkan
- b) ikatan persahabatan tidak boleh dipisahkan
- c) ikatan manusia tidak boleh dipisahkan
- d) ikatan suami isteri yang tidak boleh dipisahkan

25. Faiza dan Farah_____kerana sering bergaduh walaupun perkara itu kecil.

- a) bagai melepaskan batuk di tangga
- b) bagai katak di bawah tempurung
- c) bagai anjing dengan kucing
- d) bagai ayam disambar helang

26.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar yang diberikan.

- a) sudah jatuh dihempas tangga
- b) sudah jatuh ditimpa tangga
- c) malang tidak berbau
- d) sudah terhempas ditimpa tangga

27. Naim tidak mempunyai masalah dalam pergaulan kerana dia pandai.....

- a) membuka jalan
- b) menarik diri
- c) membawa diri
- d) membuka langkah

28. "Siasatlah dahulu sebelum membuat sebarang tuduhan. Jangan sahaja," kata YanBin kepada YanWei

- a) ringan tangan
- b) serkap jarang
- c) ambil ringan
- d) tangkap muat

29.



Nenek Sunarti tidak pernah membaca sebarang surat khabar ataupun majalah kerana dia .

- a) buta gaji
- b) buta huruf
- c) buta kayu
- d) buta hati

30.



Pengadil bola sepak antara sekolah saya dengan sekolah jiran dicaci oleh para penonton kerana _____ semasa mengadili perlawanan tersebut.

- a) banyak mulut
- b) angkat kaki
- c) berat sebelah
- d) lepas tangan

31. *Selesai santap nasi* (perulangan konsonan s).
Apakah jenis unsur bunyi ayat di atas?

- a) Asonansi
- b) Aliterasi
- c) Metafora
- d) Sinkope

32. Hiperbola

- | | |
|----------------------|---------------------------|
| a) kiasan biasa | b) kiasan yang berlebihan |
| c) kiasan luar biasa | d) sebagai kiasan |

33. monolog dalaman

- | | |
|-----------|-----------------------|
| a) doa | b) gossip |
| c) dialog | d) bisikan dalam hati |

34. Nyatakan aspek kajian komsas berdasarkan perkataan di bawah:

ruang hidup
bangku bijaksana
sungai manusia
suara kosong

- | | |
|------------------|-------------|
| a) simile | b) metafora |
| c) personifikasi | d) sinkof |

35. "setiap ahli keluarga mestilah memupuk amalan kasih sayang"

BERDASARKAN PENGAJARAN DI ATAS, APAKAH NILAI YANG SESUAI?

- | | |
|---------------------|--------------|
| a) kasih sayang | b) prihatin |
| c) bertanggungjawab | d) ketabahan |

36. "kita hendaklah tabah dalam menempuhi dugaan hidup"

BERDASARKAH PENGAJARAN DI ATAS, APAKAH NILAI YANG SESUAI?

- | | |
|--------------|---------------------|
| a) ketabahan | b) bertanggungjawab |
| c) prihatin | d) kasih sayang |

37. Arahan : Nyatakan latar masyarakat yang bersesuaian dengan pernyataan di bawah.
" Ibu dan bapa Beluntung amat menyayangi Beluntung sebagai anak tunggal mereka. "

- a) Masyarakat yang menyayangi haiwan peliharaan. b) Masyarakat yang pilih kasih.
c) Masyarakat yang menyayangi ahli keluarganya.

38. Encik Wan Omar bakal pemimpin di kampung kita. Oleh itu, kita perlu memberikan sokongan sepenuhnya kepada _____

- | | |
|-----------|--------|
| a) mereka | b) dia |
| c) beliau | d) ia |

39. Membetulkan kesalahan bahasa

Ibu menghadiahkan sebutir jam tangan kepada Aina sempena hari lahirnya yang ke-14 tahun.

Ans. _____